

21/05/1997

PM bertugas ketika bercuti

Kamal Ahmad

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah berlepas ke London untuk melakukan promosi Koridor Raya Multimedia (MSC), dengan menemui 1,000 ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat terkemuka Eropah yang terbabit dengan industri teknologi maklumat, sekali gus menjadikan kota raya itu pangkalan beliau sepanjang dua bulan bercuti.

Dalam tempoh itu, Dr Mahathir akan melakukan beberapa tugas dan lawatan rasmi. Untuk berulang alik antara Kuala Lumpur dengan kota Eropah yang termasuk dalam jadual itu bukan dekat dan mudah kerana selang masa rehat dan tugas hanya satu atau dua hari. Selang waktu di antara tugas itulah yang akan digunakan untuk menyempurnakan catatan beliau selama 16 tahun menjawat tugas Perdana Menteri.

Beliau juga antara tokoh yang awal dari Asia menemui Perdana Menteri baru Britain, Tony Blair. Ini penting bagi memastikan hubungan London-Kuala Lumpur terus kukuh dan kedua-dua pihak sedikit sebanyak akan 'mengenali antara satu sama lain'.

Kemudian Dr Mahathir tentu mempunyai sesuatu yang mahu diperjelaskan kepada wakil media seperti Perbadanan Penyiaran Britain (BBC), Reuters dan Wall Street Journal, selain menimba sesuatu daripada hasil lawatan ke Rover dan British Aerospace.

Semua ini jelas membuktikan percutian Dr Mahathir bukan kerana beliau ada masalah kesihatan atau langkah prapersaraan politiknya.

Pada 8 Mei lalu, kepulangan Dr Mahathir Mohamad dari Afrika Selatan sangat dinanti-nantikan semua pihak. Tumpuan lebih 40 wartawan tempatan dan luar negara yang menunggu beliau di Bilik Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, Subang ketika itu hanya mahu mendapatkan pengesahan beliau mengenai cutinya kira-kira dua bulan dan sebabnya.

Di luar ketika itu, pelbagai khabar angin dan spekulasi bertiup. Cakap-cakap kononnya Perdana Menteri sakit dan perlu rehat sambil menerima rawatan; Dr Mahathir nak lepaskan jawatan sebab itu beliau perlu menguji Anwar sebelum jawatan itu diserahkan; dan sebagainya, bertiup kencang.

Namun mesej pertama, paling ketara dengan bermulanya percutian Dr Mahathir, beliau memberi kepercayaan penuh kepada timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menerajui kerajaan sambil beliau melihat dari jauh. Namun dengan kepesatan pembangunan multimedia yang mendapat perhatian Dr Mahathir khususnya komitmennya dalam projek MSC, beliau 'mengawal selia' negara ini dari jauh dengan hujung jarinya.

Apabila Dr Mahathir menaruh penuh kepercayaan, bermakna Anwar adalah orangnya yang bakal menduduki kerusi Perdana Menteri selepasnya. Apabila kita singkap lagi mesej itu - kita harus faham bahawa sesiapa yang mahu memotong giliran Anwar wajar menghentikan angan-angannya. Kita tahu, Dr Mahathir sedaya-upaya mahu menyatukan orang Melayu, memantapkan Umno dan menjulang martabat Melayu sekali gus Islam yang dianuti di tempat tertinggi di persada antarabangsa. Ini adalah antara trend paling ketara di Asia Timur yang turut mempengaruhi Malaysia supaya memahatkan nama bangsanya di persada dunia selepas 400 tahun dijajah, dihina dan tidak diyakini orang lain.

Sehubungan itu, Umno tidak harus mengalami pecah-belah dan pemimpinnya bercakaran sekali lagi selepas 1987. Tempoh hingga 1996 untuk menggabungkan semula Umno dengan serpihan Parti Semangat Melayu 46 adalah terlalu lama dan alangkah baiknya tumpuan itu diberi kepada agenda lain.

Alaf multimedia memerlukan Umno sebagai tonggak kerajaan; sentiasa padu dan Dr Mahathir ada caranya tersendiri menyampaikan mesej itu termasuk ungkapan: "Saya bagi penuh kepercayaan pada Anwar." Oleh itu, terpulang kepada kebijaksanaan dan keikhlasan pemimpin tertinggi Umno untuk menafsirkannya.

Kepercayaan Dr Mahathir kepada Anwar bukan sekali atau dua. Kita tentu ingat pelantikan calon baru Menteri Besar Selangor dan Ketua Menteri Melaka yang diserahkan kepada Anwar, selain menjadi Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai pelbagai perkara termasuk infrastruktur dan pelaburan, projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, pekerja asing, pembangunan golongan menengah Bumiputera, latihan, harga barangan, barang perlu, serta masalah sosial.

Apakah beban fikiran dan tanggungjawab yang sedemikian tidak boleh disifatkan satu kepercayaan Dr Mahathir kepada Anwar selain menyandang jawatan Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri? Namun bagi Anwar sendiri, kepercayaan penuh ini amanah yang perlu dilaksana dengan teliti.

Walaupun ungkapan `memberi kepercayaan' itu kedengaran seolah-olah lembut, tetapi mesejnya tegas dan serius. Maksudnya, jangan ada lagi pecah-belah dalam Umno dan orang Melayu. Alaf baru teknologi maklumat memerlukan Umno, Melayu dan bangsa Malaysia yang langkahnya sederhana dan seirama.

Sidang akhbar Perdana Menteri pada 8 Mei lalu juga bersifat terus terang. Apa yang diperkatakan Dr Mahathir maka itulah hakikat dan realitinya. Sebagai pemimpin, banyak pengalaman yang dilalui perlu dicatatkan. Kenapa harus menunggu beliau bersara untuk mencatatkan perkara itu? Hari ini, ramai pemimpin negara membangun mahu berkongsi ilmu, pengalaman dan pandangan beliau.

"Saya tidak menulis buku saya tetapi banyak perkara yang nak ditulis. Banyak yang tak tercatat di fikiran mungkin berguna untuk diri saya sendiri... untuk fikiran saya... Dalam pada itu ramai juga orang tanya bagaimana kita boleh capai kemajuan. Ini perlu dikaji. Kalau tak, kita lupa," katanya lagi dalam sidang akhbar itu.

Hasil pengamatan, penelitian, penyaksian dan catatan sendiri dalam pelbagai lawatan serta persidangan antarabangsa tentu boleh dicernakan untuk kebaikan pentadbiran kerajaan, pembangunan negara serta dasar yang difikirkan sesuai untuk Malaysia.

Inti pati Dasar Pengkorporatan Malaysia dan Wawasan 2020 - antara jentera ciptaan Dr Mahathir yang berjaya dan dikagumi dunia, juga perlu diperinci oleh beliau sendiri sebagai satu sumbangan dasar universal kepada masyarakat antarabangsa khususnya negara membangun.

Kedua-dua dasar itu berjaya mencetuskan trend baru kalangan kerajaan di Selatan-Selatan kerana ia sederhana, pragmatik, dinamik dan menerapkan unsur nilai (bersifat universal) yang tinggi.

Inilah mesej kedua percutian Perdana Menteri. Pengalaman beliau menangani masalah termasuk secara ad hoc akan dikaji dan masa percutian itu dihabiskan untuk mentelaah tindakan dan keputusannya selain mencari jalan lebih baik bagi menghadapi masalah mendatang. Sebagai pemimpin Asia, Dr Mahathir memerlukan sedikit masa untuk memberi tumpuan terhadap perkara tertentu yang di luar jangkauan kita.

Selain itu, Malaysia akan menjadi tuan rumah beberapa persidangan antarabangsa termasuk Mesyuarat Menteri Luar Asean (Julai); mesyuarat Kumpulan 15 (November); dan sidang kemuncak tidak rasmi Asean (Disember); selain kemungkinan kehadiran Perdana Menteri di sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Teheran (Disember).

Oleh itu, sebagai tuan rumah, Dr Mahathir perlu menyediakan teks ucapan terbaik selepas semua siri ucapannya mendapat perhatian antarabangsa.

Namun penyebar berita angin, kaki spekulasi dan musuh negara sentiasa

mengambil apa saja kesempatan dan peluang yang ada. Walaupun Dr Mahathir benar-benar bercuti, tetapi mereka menghebahkan perkara itu sebagai berita negatif kononnya Perdana Menteri sakit dan mahu bersara; yang kemudian menjejaskan pasaran saham dan ada pelabur keluar dari Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) serta kegelisahan politik tempatan.

Mereka menggunakan `kemungkinan' yang memang boleh berlaku untuk menjual spekulasi yang akan menguntungkan pihak tertentu.

Namun, rakyat perlu insaf bahawa musuh negara akan melakukan apa sahaja untuk memastikan misi mereka tercapai.

"Ingatlah, matlamat kita masih jauh dan perjuangan kita masih belum selesai," demikian amanat yang kerap diulang dalam setiap majlis bersifat kebangsaan.

(END)